

02 JUN 1998
Mahathir-SPA
KERAJAAN BIAYAI 60 PERATUS MODAL SPA

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Kerajaan mungkin membiayai sehingga 60 peratus daripada keperluan modal Syarikat Pengurusan Aset (SPA) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata di sini hari ini.

"Kami menjangka sektor swasta akan membiayai selebihnya," katanya semasa sesi soal jawab setelah beliau menyampaikan ucap utama pada simposium yang dianjurkan oleh Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan akan mendapatkan dananya daripada kumpulan wang disatukan apabila ditanya sama ada wang untuk modal itu akan diperolehi daripada percukaian atau melalui Bank Negara.

"Kami ada sedikit wang," katanya pada sesi yang dihadiri oleh lebih 200 peserta terdiri daripada pemimpin korporat dan eksekutif perniagaan terutamanya dari Jepun. Ia turut dihadiri Timbalan Pengarah Urusan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) Stanley Fischer.

Beliau berkata dengan mengambil alih pinjaman tidak dibayar (NPL) daripada bank dan institusi kewangan, bebanan NPL terhadap bank dan institusi kewangan akan dikurangkan dan selepas itu, berkedudukan baik untuk memberi pinjaman semula untuk perniagaan.

"Dengan demikian perniagaan akan meningkat semula dan dalam proses itu, akan merangsang ekonomi yang kini terjejas teruk kerana perniagaan sukar untuk mendapatkan pinjaman kerana kadar faedah yang tinggi," kata Dr Mahathir.

Mengenai kemungkinan kerajaan mendapatkan sebahagian daripada dana yang diperlukan melalui terbitan bon kerajaan, beliau berkata: "Kita belum memutuskan itu lagi."

Butiran mengenai SPA, yang akan diketuai oleh Mohamed Azman Yahya, pengarah eksekutif kumpulan Amanah Capital Malaysia Bhd, dijangka dikeluarkan minggu ini.

-- BERNAMA
MR FR OS